

# Pengaruh Motivasi Guru Terhadap Keberkesanan Pengintegrasian Budaya Arab dalam Pengajaran Bahasa Arab

**BITARA**

Volume 7, Issue 1, 2024: 271-282  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 1 February 2024  
Accepted: 30 February 2024  
Published: 30 March 2024

## [*The Influence of Teacher Motivation on The Effectiveness of Integrating Arab Culture in Arabic Language Teaching*]

Yazid Isa,<sup>1\*</sup> Ibrahim Abdullah<sup>1</sup> & Mohd Shahzuwan Abdul Razak<sup>1</sup>

1 Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: 2023575793@student.uitm.edu.my; ibrahim970@uitm.edu.my; 2023401412@student.uitm.edu.my

\*Corresponding Author: 2023575793@student.uitm.edu.my

### Abstrak

Pengintegrasian pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab sering kali berdepan dengan pelbagai cabaran. Antara cabaran utama adalah tahap motivasi guru dalam melaksanakan integrasi ini. Motivasi guru merupakan faktor kritis yang mempengaruhi sejauh mana pengetahuan budaya dapat disampaikan dengan berkesan kepada pelajar. Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh pengetahuan budaya terhadap motivasi guru dalam pengajaran dalam bahasa Arab. Kaedah tinjauan digunakan dengan 190 orang responden daripada guru bahasa Arab yang berkhidmat di tiga buah negeri di Zon Tengah Malaysia. Untuk mengkaji bagaimana motivasi guru boleh mempengaruhi pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah, PLS-SEM digunakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa motivasi guru ('motivasi') dan pengetahuan budaya ('budaya') masing-masing berpengaruh positif dan signifikan terhadap pengajaran guru ('ajar'). 'motivasi' juga berpengaruh positif dan signifikan terhadap 'budaya dan 'motivasi' berpengaruh positif dan signifikan berperanan memediasi antara 'budaya dan 'ajar. Justeru, dalam mengintegrasikan pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab, motivasi guru ('motivasi') mempunyai nilai jalur koefisien sebagai mediator antara 'motivasi dan 'ajar' adalah 0.498, iaitu bernilai positif. Nilai  $P = 0.000 <$  dari nilai tingkat signifikan 0.05. Manakala nilai T-statistik 10.800 iaitu  $> 1.96$  membuktikan bahawa motivasi guru ('motivasi') berpengaruh positif dan signifikan memediasi antara pengetahuan budaya ('budaya') dan pengajaran guru ('ajar'). Oleh itu, program-program dan latihan peningkatan profesionalisme keguruan harus dilaksanakan secara berterusan sebagai untuk membantu menambahbaik pengetahuan guru tentang budaya Arab sekaligus dapat meningkatkan motivasi guru dalam mengajarkan bahasa Arab di sekolah.

**Kata kunci:** Pengetahuan Budaya, Motivasi Guru, Pengajaran Guru.

### Abstract

*Integrating cultural knowledge into Arabic language teaching often faces various challenges. One of the main challenges is the level of teacher motivation in implementing this integration. Teacher motivation is a critical factor that affects how effectively cultural knowledge can be conveyed to students. This study aims to examine the impact of cultural knowledge on teacher motivation in Arabic language teaching. A survey method was used with 190 respondents from Arabic language teachers working in three states in Central Malaysia. To investigate how teacher motivation can influence cultural knowledge in Arabic language teaching in schools, PLS-SEM was employed. The results indicate that teacher motivation ('motivasi') and cultural knowledge ('budaya') each have a*

*positive and significant effect on teacher instruction ('ajar'). motivasi also has a positive and significant effect on 'budaya', and 'motivasi' plays a positive and significant mediating role between 'budaya' and 'ajar'. Thus, in integrating cultural knowledge into Arabic language teaching, teacher motivation ('motivasi') has a mediation coefficient value of 0.498, which is positive. The P-value is 0.000, which is less than the significance level of 0.05, and the T-statistics value is 10.800, which is greater than 1.96, proving that teacher motivation ('motivasi') significantly and positively mediates the relationship between cultural knowledge ('budaya') and teacher instruction ('ajar'). Therefore, continuous professional development programs and training should be implemented to improve teachers' cultural knowledge of the Arab culture, thereby enhancing teacher motivation in teaching Arabic in schools.*

**Keywords:** Cultural Knowledge, Teacher Motivation, Teacher Instruction

**Cite This Article:**

Yazid Isa, Ibrahim Abdullah & Mohd Shahzuwan Abdul Razak. (2024). Pengaruh Motivasi Guru Terhadap Keberkesanan Pengintegrasian Budaya Arab dalam Pengajaran Bahasa Arab [The Influence of Teacher Motivation on The Effectiveness of Integrating Arab Culture in Arabic Language Teaching]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 271-282.

## Pengenalan

Dalam konteks global, bahasa Arab mengalami perkembangan yang semakin pesat dalam bidang pendidikan. Pengajaran bahasa Arab masa kini tidak hanya tertumpu kepada aspek linguistik semata-mata, bahkan ianya merangkumi pengetahuan budaya yang berkaitan dengan bahasa tersebut (Bachtiar, 2023). Pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa merujuk kepada pemahaman yang mendalam tentang nilai, tradisi, adat resam, seni dan institusi yang dikongsi oleh sesuatu masyarakat yang melibatkan pembentukan kecekapan lingua-budaya, sistem pengetahuan tentang budaya dan kebolehan menggunakan pengetahuan tersebut dalam pertuturan. (Zvereva & Chilingaryan, 2020; Irimia, 2012). Pengetahuan budaya Arab adalah komponen yang tidak boleh diabaikan dalam pengajaran bahasa Arab, kerana ia memainkan peranan penting dalam memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar dan memperkuuh kemahiran komunikasi mereka. Dalam kajian Ulfiah & Munir (2022) menyatakan seseorang yang ingin mempelajari bahasa Arab harus memahami secara baik tentang budaya bahasa Arab bagi memastikan makna kosa kata dan susunan kalimah bertepatan dengan kebiasaan penutur asli bahasa tersebut.

Namun begitu, pengintegrasian pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab sering kali berdepan dengan pelbagai cabaran antaranya ialah kekurangan motivasi guru dalam melaksanakan pengajaran budaya yang dipengaruhi oleh faktor kekurangan masa, kekurangan pengetahuan tentang budaya dan kekurangan sumber bahan berkaitan budaya bahasa yang diajar. (Romhani & Andriyanti, 2022; Freire & Valdez, 2017). Implikasinya pelajar menyalahkan guru dan kaedah pengajaran yang menyebabkan mereka kekurangan motivasi kerana guru masih menggunakan kaedah pengajaran tradisional untuk mengajar di dalam bilik kelas. (Abdessallam, Ghouati & Nakkam, 2020). Towairesh (2021) menambah guru yang kekurangan perspektif tentang budaya dalam pengajaran bahasa akan sukar memberikan pemahaman yang jelas kepada pelajar tentang perkataan dan konsep khusus dalam budaya tersebut yang akan menzahirkan kelemahan bahasa itu sendiri.

Oleh itu, guru seharus peka kepada keinginan pelajar terhadap budaya kerana rasa ingin tahu pelajar tentang budaya bahasa yang dipelajari mampu menjadi faktor pendorong utama pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. (Kong, Shin, Lee & Kim, 2020). Ini disokong oleh kajian Dahalan, Ahmad & Makhsin (2023) yang menekankan keperluan guru untuk memahami latar belakang etnik dan budaya pelajar, serta memupuk sifat kesepaduan untuk mencipta iklim pembelajaran yang menghargai kepelbagaiannya kerana pengajaran yang memberi fokus kepada pengetahuan budaya dapat memberi kesan kepada motivasi, minat dan keyakinan pelajar untuk berkomunikasi menggunakan bahasa tersebut sesuai dengan penutur aslinya. (Habil, 2019). Guru juga harus memastikan pengajaran bahasa yang diajar boleh membawa kepada komunikasi yang berkesan dan dapat memupuk aktiviti sosial dan interaktif dengan pelajar. (Csilik, 2022).

Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menganalisis tahap motivasi guru dalam mengintegrasikan pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah. Guru harus memiliki kebolehan bertutur bahasa Arab dan memahami hubungan antara budaya dan bahasa seperti orang Arab kerana guru perlu mengajar pelajar dengan strategi dan pedagogi yang sesuai untuk mengajarkan pelajar menggunakan bahasa Arab sesuai dengan situasi dan keadaan seperti penutur aslinya (Rashid, Shamem & Hui, 2021; Setiawan, 2017). Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, kajian ini akan menilai motivasi guru memediasikan pengaruh antara pengetahuan budaya dan pengajaran guru bahasa Arab dalam pengajaran bahasa Arab di dalam bilik kelas. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan pandangan yang lebih jelas tentang kepentingan pengetahuan budaya terhadap motivasi guru dalam pengajaran bahasa Arab, serta menyediakan cadangan untuk memperkuuh motivasi guru dalam penerapan budaya Arab konteks pengajaran bahasa Arab.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif secara soal selidik dan analisis *Structural Equation Modelling Partial Least Square* (SEM-PLS). SEM-PLS dipilih bagi menjalankan kajian ini kerana ianya dapat membantu pengkaji menguji model yang kompleks yang melibatkan pelbagai pemboleh ubah laten dan indikator serta dapat membantu menguruskan model dengan pelbagai hubungan yang rumit antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. (Hair et al., 2021). Terdapat tiga tahap yang digunakan dalam metodologi kajian ini iaitu:

### Tahap Identifikasi

Tahap ini terdiri daripada kajian literatur, kajian lapangan, kenal pasti masalah, penentuan objektif kajian, penentuan kaedah penyelesaian masalah dan mengembangkan instrumen kajian.

## Tahap Pengumpulan dan Pengolahan Data

### a. Pengumpulan Data

Pengumpulan data terdiri daripada data primer yang diperolehi daripada 190 orang responden yang ditentukan berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970) untuk saiz sampel yang berjumlah 460 orang iaitu 132 orang. Jumlah sampel yang lebih besar 190 orang dipilih bertujuan untuk meningkatkan tahap ketepatan statistik dan potensi *dropout*. Ikhsani et al., (2021) juga menambah untuk ukuran sampel minimum bagi kaedah SEM-PLS adalah 100 atau lebih dari 100 orang responden. Ini menunjukkan jumlah sampel dipilih seramai 190 orang responden adalah mencukupi.

### b. Pengolahan Data

Tahap pengolahan data dilakukan setelah pengkaji melakukan proses mengumpul dan menyusun data demografi responden seperti tahap pendidikan dan tempoh pengalaman bekerja. Tahap pengolahan data ini terdiri daripada dua tahap iaitu:

#### 1. Pengolahan Data Penilaian Instrumen

*Ujian Validiti (Validity Test)*: Ujian validiti dijalankan bertujuan untuk memastikan instrumen kajian yang digunakan benar-benar mengukur konstruk dengan tepat tanpa bias bagi memastikan dapatan kajian yang diperolehi benar dan boleh dipercayai. (Cohen et al., 2002; Hair et al., 2021)

*Ujian Kebolehpercayaan (Reliability Test)*: Ujian kebolehpercayaan dilakukan untuk memastikan ketekalan instrumen kajian dalam mengukur konstruk yang sama pada masa yang berbeza dan keadaan yang berbeza dengan menggunakan *alpha Cronbach* (Yusuf et al., 2018). Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberikan hasil yang stabil dan boleh dipercayai setiap kali digunakan. Data yang diperolehi juga akan lebih tepat dan dipercayai untuk analisis seterusnya. (Cronbach 1951; Tazakol & Dennick, 2011).

#### 2. Pengolahan data SEM-PLS

*Structural Equation Modelling Partial Least Square* (SEM-PLS) merupakan satu analisis statistik yang digunakan untuk menilai model yang terdiri daripada hubungan linear antara pemboleh ubah yang biasanya tidak dapat diperhatikan secara langsung (Hair et al., 2021). Terdapat dua model yang dinilai dalam SEM-PLS iaitu:

*Penilaian Model Pengukuran (Outer Model)*: Penilaian ini bertujuan untuk membuktikan model pengukuran telah mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan. Dalam penilaian model ini, terdapat tiga penilaian iaitu *Convergent Validity* dengan melihat nilai *loading factor* diharapkan  $> 0.7$ , *Discriminat Validity* dengan melihat nilai *cross loading*  $> 0.7$  dan *internal*

*Consistency* dilihat dari nilai *Composite Reliability* harus bernilai  $>0.7$ . Dapat dilihat dari nilai koefisien *Cronbach Alpha*.

*Penilaian Model Struktural (Inner Model)*: Penilaian model Struktural dijalankan bertujuan untuk meramalkan hubungan antara pemboleh ubah laten berdasarkan teori *substantif* dengan menggunakan R-Square untuk konstruk *endogenous* dan nilai t-statistik dari pengujian koefisien jalur. Beberapa indicator dinilai dalam model ini iaitu: *Coefficient of Determination* ( $R^2$ ), *Path Coefficient*, *T-Statistic*, *Predictive Relevance* ( $Q^2$ ) dan *F-square* (Mardiana & Ahmad Faqih, 2019).

## Tahap Analisis dan Kesimpulan

Setelah selesai pengolahan data, analisis daripada dapatan pengolahan data tersebut dilakukan untuk mengetahui pengaruh dari pemboleh ubah pengetahuan budaya dan motivasi guru terhadap pengajaran guru bahasa Arab serta membuat kesimpulan dari hasil analisis bertepatan dengan pernyataan masalah yang telah ditetapkan.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan data yang diperolehi daripada soal selidik yang telah dijalankan, telah dibentuk model utama SEM-PLS dengan 24 pernyataan iaitu pemboleh ubah ‘budaya’ dengan 11 item pernyataan, ‘motivasi’ dengan 7 pernyataan dan ‘ajar’ dengan 6 pernyataan. Dan dilakukan penilaian model pengukuran dari model pada Rajah 1. Kemudian dilakukan proses PLS-Alghorithm untuk mendapatkan nilai *Alpha Cronbach*, *Composite Reability* dan AVE. Untuk mendapatkan nilai-nilai tersebut diperlukan beberapa fasa penilaian seperti melihat *outer loading* untuk menganalisis Convergent Validity seperti Jadual 1. Nilai *outer loading* bagi setiap pernyataan yang kurang daripada 0.708 (Hair et al., 2021) akan dihapuskan. Dan hasil pernyataan yang telah dihapuskan seperti dalam Jadual 1. Setiap pemboleh ubah laten ‘budaya’, ‘motivasi’ dan ‘ajar’ sudah mencapai nilai di atas 0.708 sehingga model sudah memenuhi kriteria *Convergent Validity*. Fasa seterusnya adalah menilai *Discriminat Validity* dengan melihat *cross loading*.

Jadual 1 Nilai Outer Loading

	<b>Pengetahuan ('budaya')</b>	<b>Budaya</b>	<b>Motivasi ("motivasi")</b>	<b>Guru</b>	<b>Pengajaran Guru ('ajar')</b>
BUDAYA14	0.827				
BUDAYA1	0.831				
BUDAYA12	0.759				
BUDAYA13	0.727				
BUDAYA2	0.873				
BUDAYA3	0.885				
BUDAYA4	0.876				

BUDAYA5	0.859
BUDAYA6	0.871
BUDAYA7	0.843
BUDAYA8	0.825
MOTIVASI1	0.819
MOTIVASI11	0.723
MOTIVASI2	0.836
MOTIVASI3	0.808
MOTIVASI4	0.819
MOTIVASI6	0.739
MOTIVASI7	0.758
AJAR12	0.854
AJAR13	0.877
AJAR4	0.832
AJAR6	0.864
AJAR7	0.929
AJAR8	0.913

Sumber data primer yang telah diolah, 2024


Jadual 2 Konstruk Validiti dan Reabiliti

	AVE (>0.5)	Composite Reability (>0.708)	Discriminant Validity (HTMT)
BUDAYA	0.772	0.962	HTMT < 0.9
MOTIVASI	0.698	0.957	CI < 1.0
AJAR	0.619	0.902	

Berdasarkan nilai pada Jadual 2 bahawa model utama telah memenuhi syarat *validity* dan *reliability* dengan nilai AVE melebih 0.5, nilai *composite reliability* melebihi 0.708, nilai dapatkan HTMT lebih kecil daripada 0.9 (Gold et al., 2001) dan CI lebih kecil dari 1.0 (Henseler et al., 2015).

Jadual 3 Hasil T-statistik

	Original (O)	Sample	Sample Mean (M)	Nilai-T	Nilai -P
BUDAYA	->	0.775	0.773	17.342	0.000
MOTIVASI					
MOTIVASI -> AJAR	0.898	0.898	11.180	0.000	
BUDAYA -> AJAR	0.705	0.707	2.236	0.026	
BUDAYA	->	0.499	0.503	10.409	0.000
MOTIVASI -> AJAR					



Rajah 1 Model SEM-PLS

Berdasarkan Jadual 4, nilai  $f\text{-square}$  pemboleh ubah motivasi guru memberikan kesan yang besar kepada pengajaran guru dengan nilai 0.861. Pada pembolehubah pengetahuan budaya pula memberikan kesan yang kecil kepada pengajaran guru dengan nilai 0.045. Motivasi guru merupakan pemboleh ubah yang paling *substansif* berbanding pengetahuan budaya dalam menghasilkan  $f^2$  untuk pengajaran guru. Manakala, pengetahuan budaya juga memberi kesan yang besar dengan nilai 0.952 terhadap motivasi guru. Hair et al., (2021) menyatakan nilai kriteria adalah berdasarkan tiga kategori iaitu besar (0.355), sederhana (0.15) dan kecil (0.02).

Jadual 4 Nilai  $f\text{-square}$ 

No	Hubungan	Nilai $f^2$	Keterangan
1	Motivasi Guru terhadap Pengajaran Guru	0.861	Besar
2	Pengetahuan Budaya terhadap Pengajaran Guru	0.045	Kecil
3	Pengetahuan Guru terhadap Motivasi Guru	0.952	Besar

Pengujian hipotesis dilakukan dengan menggunakan dapatan *bootstrapping*. Pengujian hipotesis dilakukan berdasarkan hasil pengujian *inner model* (*model structural*) meliputi output *r-square*. Koefisien parameter dan t-statistik (Sayyida & Alwiyah, 2018). Nilai signifikan antara konstruk, t-statistik dan p-value akan dilihat untuk memastikan hipotesis diterima atau ditolak. Pengujian hipotesis pada kajian ini adalah menggunakan SMARTPLS 4.0. *Rules of thumbs* yang digunakan dalam menilai hipotesis ini adalah t-statistik  $>1.96$  dengan nilai tingkat signifikan p-value 0.05 dan nilai jalur koefisien adalah bernilai positif. Berdasarkan pengujian di dalam SEM-PLS, didapati hasil pengujian hipotesis adalah seperti dalam Jadual 5.

### Jadual 5 Hasil Pengujian Hipotesis

<b>Hip.</b>	<b>Hubungan</b>	<b>(<math>\beta</math>)</b>	<b>Nilai-P</b>	<b>Nilai-T</b>	<b>Keputusan</b>
$H^1$	Motivasi Guru ('motivasi') -> Pengajaran Guru ('ajar')	0.713	0.000	11.510	Positif-Signifikan
$H^2$	Pengetahuan Budaya ('budaya') -> Motivasi Guru ('motivasi')	0.698	0.000	17.254	Positif-Signifikan
$H^3$	Pengetahuan Budaya ('budaya') -> Pengajaran Guru ('ajar')	0.163	0.037	2.097	Positif-Signifikan
$H^4$	Motivasi Guru ('motivasi')-> Pengajaran Guru ('ajar')	0.498	0.000	10.800	Positif-Signifikan

### **Pengaruh Motivasi Guru terhadap Pengajaran Guru**

Jadual 5 menjelaskan nilai jalur koefisien pada motivasi guru terhadap pengajaran guru adalah 0.713, iaitu bernilai positif. Nilai P = 0.000 < dari nilai tingkat signifikan 0.05, maka motivasi guru berpengaruh positif dan signifikan terhadap pengajaran guru. Manakala nilai T-statistik 11.510 iaitu > 1.96 bermaksud  $H^1$  adalah merupakan hipotesis yang diterima.

Hasil penelitian ini menunjukkan bahawa adanya pengaruh positif motivasi guru terhadap pengajaran guru yang menjelaskan bahawa guru bahasa Arab yang memiliki motivasi yang tinggi lebih cenderung melaksanakan pengajaran dengan lebih baik dan berkesan dalam pengajaran mereka. Hasil penelitian ini menyokong kajian dari Serdarević (2023) yang menyatakan bahawa guru yang bermotivasi juga merupakan komponen utama dalam memastikan pendidikan berkualiti dan menyumbang kepada peningkatan prestasi pelajar dan kekurangan motivasi guru dalam pengajaran akan menyebabkan kurang penglibatan pelajar dan penurunan prestasi di dalam bilik darjah yang akan memberi kesan kepada kualiti pembelajaran (Georgescu, Dumitrache & Joița, 2020). Motivasi yang datang daripada faktor agama mahupun ekonomi akan mendorong guru untuk terus meningkatkan pengetahuan mereka berkaitan budaya Arab bagi memastikan mereka dapat mengajarkan budaya Arab dengan berkesan di dalam bilik kelas.

### **Pengaruh Pengetahuan Budaya terhadap Motivasi Guru**

Jadual 5 menjelaskan nilai jalur koefisien pada pengetahuan budaya terhadap motivasi guru adalah 0.698, iaitu bernilai positif. Nilai P = 0.000 < dari nilai tingkat signifikan 0.05, maka pengetahuan budaya berpengaruh positif dan signifikan terhadap motivasi guru. Manakala nilai T-statistik 17.254 iaitu > 1.96 bermaksud  $H^2$  adalah merupakan hipotesis yang diterima.

Hasil penelitian ini menunjukkan bahawa adanya pengaruh pengetahuan budaya yang positif dan signifikan terhadap motivasi guru yang menjelaskan guru yang mempunyai pengetahuan tentang budaya bahasa yang diajar akan lebih cenderung mengajarkan budaya bahasa tersebut berbanding guru yang tidak mempunyai pengetahuan secara langsung tentang budaya masyarakat Arab. Dalam Model Komunikasi antara Budaya Byram (1997) menjelaskan bahawa

guru yang mempunyai pengetahuan tentang budaya berdasarkan pengalaman peribadi atau latihan akan menunjukkan motivasi yang tinggi untuk memasukkan budaya Arab dalam pengajaran mereka kerana mereka dapat memahami budaya masyarakat Arab secara langsung untuk dikaitkan dengan pengajaran bahasa. Memahami dan mengintegrasikan elemen budaya dalam pengajaran bahasa dapat membantu meningkatkan motivasi dan komitmen guru dalam pengajaran mereka.

## **Pengaruh Pengetahuan Budaya terhadap Pengajaran Guru.**

Jadual 5 menjelaskan nilai jalur koefisien pada pengetahuan budaya terhadap pengajaran guru adalah 0.163, iaitu bernilai positif. Nilai  $P = 0.037 <$  dari nilai tingkat signifikan 0.05, maka pengetahuan budaya berpengaruh positif dan signifikan terhadap pengajaran guru. Manakala nilai T-statistik 2.097 iaitu  $> 1.96$  bermaksud  $H^3$  adalah merupakan hipotesis yang diterima.

Hasil penelitian ini menunjukkan bahawa adanya pengaruh pengetahuan budaya yang positif dan signifikan terhadap pengajaran guru yang menjelaskan guru yang mempunyai pengetahuan budaya Arab yang kukuh lebih berkemampuan untuk melaksanakan pengajaran yang bersifat kontekstual dan mengaitkannya dengan kehidupan sebenar pelajar. Kajian Lewicka & Waszau (2016) dan Eldin (2015) menjelaskan pengetahuan tentang adat resam, kepercayaan dan sistem sosial Arab merupakan komponen yang integral dalam pembelajaran bahasa Arab yang dapat membantu pelajar memahami makna khusus budaya dan kaitannya dengan bahasa tersebut. Oleh itu, guru harus memperkenalkan pengajaran budaya dalam bilik kelas dengan mempelbagaikan teknik-teknik pengajaran bagi memastikan budaya sebagai elemen penting dalam kurikulum bahasa Arab (al-Batal, 1988). Bacha et al., (2014) menambah penguasaan pengetahuan budaya dapat membantu guru mempromosikan kecekapan antara budaya dan silang budaya dalam kalangan guru bahasa Arab.

## **Motivasi Guru Memediasi Pengaruh Pengetahuan Budaya terhadap Pengajaran Guru**

Jadual 5 menjelaskan nilai jalur koefisien pada motivasi guru sebagai mediator antara pengetahuan budaya dan pengajaran guru adalah 0.498, iaitu bernilai positif. Nilai  $P = 0.000 <$  dari nilai tingkat signifikan 0.05, Manakala nilai T-statistik 10.800 iaitu  $> 1.96$  bermaksud  $H^4$  adalah merupakan hipotesis yang diterima. Dapatan kajian membuktikan bahawa motivasi guru berpengaruh positif dan signifikan memediasi antara pengetahuan budaya dan pengajaran guru dalam subjek bahasa Arab.

Hasil penelitian menunjukkan motivasi guru merupakan faktor penghubung yang sangat penting antara pengetahuan budaya Arab dan pengajaran guru bahasa Arab. Dengan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar seperti harapan pekerjaan, nasihat daripada ibu bapa atau guru, minat terhadap budaya dan keinginan melanjutkan pelajaran boleh membantu guru menyesuaikan strategi dan kaedah pengajaran mereka untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan prestasi pelajar. (Kong, Shin, Lee & Kim, 2020). Justeru bagi mencapai matlamat pengajaran budaya Arab yang berkesan, guru harus mempunyai pengetahuan budaya

yang baik kerana dengan adanya pengetahuan budaya akan meningkatkan motivasi guru untuk mengajarkan budaya Arab dalam pengajaran bahasa.

## Kesimpulan

Berdasarkan hasil penelitian, maka dapat disimpulkan bahawa faktor utama yang harus ada pada diri seorang guru bahasa Arab adalah motivasi yang tinggi dalam mengajarkan budaya Arab di dalam kelas. Motivasi guru yang tinggi akan membantu guru memastikan pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di bilik kelas berkesan khususnya dalam penerapan budaya Arab dalam pengajaran bahasa. Motivasi guru dalam mengajarkan budaya Arab kepada pelajar akan meningkatkan sekiranya guru mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan adat resam, kepercayaan, bahasa dan nilai sosial yang terdapat dalam masyarakat Arab itu sendiri. Oleh itu, guru digalakkan untuk mengikuti latihan dan kursus yang bersesuaian bagi mendapatkan pengetahuan tentang budaya Arab untuk diajarkan kepada pelajar dalam pengajaran bahasa Arab bagi mencapai matlamat pengajaran bahasa tentang kepentingan elemen budaya dalam pengajaran bahasa Arab yang menyatakan pembelajaran bahasa tidak lengkap sekiranya elemen budaya tidak diajarkan di dalam pengajaran.

## Rujukan

- Abdessallam, K., Ghouati, A. E., & Nakkam, J. (2020). The Impact of Culture on Teaching: A Study of the Impact of Teachers' Cultural Beliefs and Practices on Students' Motivation. *International Journal of Innovation and Scientific Research*, 49(2), 279-287.
- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman & Wan Ismail Wan Abdullah. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 10(1), 104-121.
- al-Batal, M. (1988). Towards Cultural Proficiency in Arabic 1. *Foreign language annals*, 21(5), 443-453.
- Bacha, M. B., & Haley, M. H. (2014). Mediating Cultures between and among Arabic Teachers. *Theory & Practice in Language Studies*, 4(7). 1319-1326.
- Bachtiar, T. P. (2023, November 23). Bahasa sebagai Kunci dalam proses Komunikasi: Pentingnya Penafsiran dan Konteks. Medium. <https://medium.com/@tripauzi/bahasa-sebagai-kunci-dalam-proses-komunikasi-pentingnya-penafsiran-dan-konteks-06a1aa8a71d1>. retrieved 14th January 2024
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2002). *Research methods in education*. Routledge.
- Cronbach, L. J. (1951). Coefficient alpha and the internal structure of tests. *psychometrika*, 16(3), 297-334.
- Csillik, É. (2022). Intercultural challenges of teaching in multilingual/multicultural classrooms. In *Research anthology on bilingual and multilingual education* (pp. 481-499). IGI Global.
- Dahalan, N. N. N., Ahmad, Y., & Makhsin, M. (2023). Kemahiran Budaya dalam Kalangan Pelajar Program Pendidikan Guru di Malaysia: Suatu Sorotan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 379-386

- Eldin, A. A. T. S. (2015). Teaching Culture in the Classroom to Arabic Language Students. *International Education Studies*, 8(2), 113-120.
- Freire, J. A., & Valdez, V. E. (2017). Dual language teachers' stated barriers to implementation of culturally relevant pedagogy. *Bilingual Research Journal*, 40(1), 55-69.
- Georgescu, D. N., Dumitache, G., & JOIȚA, M. (2020). The Relationship Between Motivation and Performance of Teachers in Increasing the Quality of Education. *Logos Universality Mentality Education Novelty: Economics & Administrative Sciences*, 5(1), 38-44.
- Habil, R. (2019, January 1). Teori-teori Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Kedua Dalam CLIL. Academia.edu - Find Research Papers, Topics, Researchers. [https://www.academia.edu/41217923/Teori\\_teori\\_Pengajaran\\_Dan\\_Pembelajaran\\_Bahasa\\_Kedua\\_Dalam\\_CLIL](https://www.academia.edu/41217923/Teori_teori_Pengajaran_Dan_Pembelajaran_Bahasa_Kedua_Dalam_CLIL). Retrieved 10<sup>th</sup> January 2024.
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2022). *A primer on partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM)* (3rd ed.). Sage Publications.
- Ikhsani, K., Widayati, C. C., & Wuryandari, N. E. R. (2021). Analisis Pengaruh Persepsi Resiko, Promosi, Dan Kepercayaan Merek Terhadap Niat Beli Pasca Covid-19. *Jurnal Bisnis, Ekonomi, Manajemen, Dan Kewirausahaan*, 66-75.
- Irimia, M. L. (2012). Developing the intercultural dimension in language teaching. *Internasional Journal of Communication Research*, 2(4), 325.
- Kong, J. H., Shin, S. H., Lee, H. J., & Kim, T. Y. (2020). Arabic language teachers' perceptions of learners' motivation in South Korean universities. *Electronic Journal of Foreign Language Teaching*, 17(1), 243-257.
- Lewicka, M., & Waszau, A. (2016). Cultural Competence in Teaching Arabic as a Foreign Language. *Universal Journal of Educational Research*, 4(12), 2750-2760.
- Mardiana, N., & Faqih, A. (2019). Model Sem-Pls Terbaik Untuk Evaluasi Pembelajaran Matematika Diskrit Dengan LMS. *BAREKENG: Jurnal Ilmu Matematika Dan Terapan*, 13 (3), 157–170.
- Rashid, M. H., Shamem, A. S. M., & Hui, W. (2022). The position of culture in English language teaching. *Linguistics and Culture Review*, 6(S2), 43-51.
- Rohmani, L. A., & Andriyanti, E. (2022). Culture teaching in EFL classes: Teachers' beliefs, attitudes, and classroom practices. *Studies in English Language and Education*, 9(1), 237-257.
- Sayyida, S., & Alwiyah, A. (2018). Perkembangan Structural Equation Modeling (Sem) Dan Aplikasinya Dalam Bidang Ekonomi. *PERFORMANCE: Jurnal Bisnis & Akuntansi*, 8(1), 10-26.
- Serdarević, S. (2023, May). Teachers motivation in the digital environment. In *DIEM: Dubrovnik International Economic Meeting*, 8(1), 128-133
- Tavakol, M., & Dennick, R. (2011). Making sense of Cronbach's alpha. *International journal of medical education*, 2, 53-55.
- Towairesh, B., & Abdulrahman, A. (2021). EFL Students' Awareness of Culture-Specific Words and Concepts: The Challenges and Opportunities for Students in a Saudi Undergraduate English Program. *Arab World English Journal*, 12(3), 3-15.
- Ulfiah, U. H., & Munir, M. M. (2022). Korelasi Budaya dalam Pembelajaran Bahasa Arab bagi Non Arab. *An-Nuur*, 12(1).

Yusup, F. (2018). Uji validitas dan reliabilitas instrumen penelitian kuantitatif. *Tarbiyah: Jurnal Ilmiah Kependidikan*, 7(1), 17-23

Zvereva, E., & Chilingaryan, K. (2020). Teaching The Spanish Language In A Cultural Aspect. *IJAEDU-International E-Journal of Advances in Education*, 6(16), 30-37.